



Ruj. Kami: IDFR.600-3/3/8 (12)
Tarikh : 4 Mei 2021

EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

Assalamualaikum w.b.t. dan selamat sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan,

PENCALONAN UNTUK MENGHADIRI KURSUS “PRESENTATION SKILLS AT THE WORKPLACE”, 21-24 JUN 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Institusi Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri akan menganjurkan kursus “*Presentation Skills at the Workplace*” daripada 21 Jun-24 Jun 2021.

2. Fokus utama kursus ini adalah untuk meningkatkan tahap keyakinan diri semasa bertutur dalam Bahasa Inggeris di hadapan orang ramai, disamping menerapkan sebutan konsonan, vokal dan diftong yang berkesan dalam Bahasa Inggeris. Pendedahan juga diberi kepada tatacara berkomunikasi tanpa lisan untuk penyampaian isu atau subjek yang memberi impak yang berkesan kepada penonton.

3. Sehubungan itu, sukacita kami menjemput pencalonan **Penjawat Awam gred 41 ke atas** dari pihak YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan untuk mengikuti kursus tersebut. Bagi tujuan pencalonan, setiap calon boleh mengisi borang secara dalam talian di <https://forms.gle/gFonF33HRjQLaxLd8> atau senarai nama peserta tersebut dikemukakan kepada pihak IDFR **pada atau sebelum 31 Mei 2021**. Calon yang terpilih akan dimaklumkan melalui emel untuk mendapatkan pengesahan kehadiran mereka ke kursus ini. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan juga, **yuran kursus sebanyak RM30.00 akan dikenakan kepada setiap peserta kursus.**

4. Oleh itu, IDFR mengalu-alukan pencalonan pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan dan percaya bahawa kursus ini dapat dimanfaatkan oleh peserta tersebut dalam menjalankan tugas mereka dengan efektif. Untuk maklumat lanjut mengenai kursus ini, pihak YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan boleh berhubung dengan **Puan Afida Ibrahim** di talian **03-2149 1036**, emel afida@idfr.gov.my atau kepada **Cik Nik Khalilah Nik Abd Kadir** di talian **03 – 2149 1065/ 019-316 3781**, emel khalilah@idfr.gov.my

IDFR.600-3/3/8 (12)


5. Kerjasama dan pertimbangan pihak YBhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RUZAIMI MOHAMAD)

Pengarah

Pusat Diplomasi Bahasa dan Budaya

b.p Ketua Pengarah

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri

Kementerian Luar Negeri